

## Guna Teknologi Tingkatkan Kualiti Kerja Dan Servis Kepada Pengguna

Langkawi – Kesediaan warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima sebarang penggunaan teknologi bagi memperbaharui tataraca kerja mereka menjadi petanda baik kepada syarikat dan pengguna.

Kini pelbagai teknologi diperkenalkan dalam usaha meningkatkan lagi tahap kecekapan teknikal di samping menambahbaik mutu perkhidmatan TNB kepada pengguna-penggunanya.

**“ Kita mesti ‘mendakap’ penggunaan teknologi agar tidak ketinggalan dalam persaingan ke arah meningkatkan mutu kerja dan sekaligus menjamin perkhidmatan yang cepat, betul dan cekap ,”**

...Dato’ Roslan

Ke arah itu, anggota kerja TNB Negeri Kedah/Perlis kini mampu menarik nafas lega apabila negeri mereka terpilih bagi projek fasa keempat *Mobile Field Force Automation (MFFA)*. Pelancarannya disempurnakan oleh Dato’ Roslan Ab. Rahman, Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah 2) baru-baru ini.

Sambil menyifatkannya sebagai satu titik permulaan yang penting bagi negeri Kedah/Perlis, Dato’ Roslan menggesa anggota kerja supaya meng-



Helmi mencuba PDA untuk kegunaan MFFA dengan diperhatikan oleh Dato’ Roslan

ambil peluang untuk menyesuaikan diri dengan proses pembaharuan tataraca kerja yang berbeza.

“Sebagai anggota kerja, adalah baik untuk mengutamakan peng-

gunaan teknologi yang diperkenalkan syarikat dalam kerja seharian kita. Kita mesti ‘mendakap’ penggunaan teknologi agar tidak ketinggalan dalam persaingan

Bersambung di m.s sebelah...



Dato' Roslan bertemu anggota kerja

ke arah meningkatkan mutu kerja dan sekaligus menjamin perkhidmatan yang cepat, betul dan cekap”, kata Dato' Roslan di sini.

Beliau meminta semua Pengurus Kawasan, Penyelia Pusat Pengurusan Bekalan, pasukan menunggu sedia dan orang yang berkebenaran (*authorized person*) menggunakan segala maklumat terkumpul dalam MFFA untuk menganalisa kejadian gangguan bekalan elektrik dan tindakan berkesan mengatasinya agar tidak berulang di kawasan terlibat demi menjamin *reliability* bekalan elektrik dan melicinkan komunikasi dengan pengguna semasa berlaku gangguan bekalan elektrik.

Dengan adanya teknologi ini, adalah diharapkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Pengguna (CAIDI) voltan rendah di negeri Kedah dapat dikurangkan daripada 177 minit sekarang kepada sasaran 50 minit. Peralatan MFFA diberikan secara berperingkat. Guar Cempedak, Bandar Baru, Baling dan Sik akan memperolehnya tidak lama lagi.

Dalam pada itu, Rosley Mohamed, Ketua Pejabat Pengurusan Projek yang bertanggungjawab terhadap MFFA, berkata semua anggota kerja yang terlibat diberi latihan tubi agar mereka tidak kekok menggunakannya.

Beliau memberitahu, mulai tahun hadapan semua latihan akan dipusatkan di TNB Intergrated Learning Solution Sdn Bhd (ILSAS), Bangi dengan menggunakan *simulator*. Beliau meminta anggota kerja menjaga peralatan yang dibekalkan kepada mereka dengan baik.



MFFA - Dato' Roslan dan Hj Suib Othman, PBN (Kedah) diberi penerangan mengenai sistem yang diguna pakai

MFFA adalah satu kaedah komunikasi lebih mudah, cepat dan tepat antara Pusat Pengurusan Panggilan (CMC), Penyelia Pusat Pengurusan Bekalan (PPB) dan pasukan teknikal yang bekerja di lapangan (luar pejabat). Melalui MFFA, mereka akan saling berhubung apabila berlaku gangguan bekalan elektrik di satu kawasan melalui sistem pesanan ringkas (SMS), sistem penempatan global (GPS) dan juga sistem Maklumat Persekitaran (GIS). Setiap pasukan dilengkapi dengan telefon bimbit yang mempunyai ciri-ciri tersebut.

MFFA dibangunkan bersama Bahagian Pembahagian dan Bahagian Teknologi Maklumat TNB, bertujuan memendekkan masa pemulihan gangguan bekalan eklektrik di samping menyediakan maklumat mengenai status pembaikan kerosakan kepada CMC untuk disampaikan kepada pengguna di kawasan terlibat dengan cepat dan tepat.

MFFA mula diperkenalkan di Shah Alam, Selangor pada 2007 dan dalam tempoh empat tahun, teknologi komunikasi itu sudah diguna pakai di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Melaka. •

